L & L Glass Aluminium Trading Sdn Bhd (dalam penggulungan) lwn MBond Manufacturer Sdn Bhd dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO WA-12ANCVC-271–10 TAHUN 2020
LATIFAH MOHD TAHAR PK
22 JULAI 2021

Undang-Undang Hasil — Cukai barang dan perkhidmatan — Liabiliti — Perayu dan responden pertama memasuki perjanjian jual beli hartanah — Sama ada responden pertama melanggar kewajipan di bawah perjanjian jual beli — Sama ada responden pertama bertanggungjawab membayar cukai barang dan perkhidmatan bersama-sama penalti yang dikenakan kepada responden kedua

Perayu ('plaintif') adalah syarikat dalam penggulungan berdasarkan perintah penggulungan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi. Sebelum penggulungan sifat perniagaan plaintif adalah berkaitan dengan membekal dan mengkontrak kerja-kerja kaca dan aluminium. Plaintif didaftarkan sebagai orang kena cukai dibawah s 20 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan sebagai orang yang berdaftar, syarikat plaintif dikehendaki mengenakan cukai barang dan perkhidmatan ('GST') atas pembekalan barang yang dikenakan cukai yang dibuat kepada pelanggan-pelanggan dan/atau pembeli-pembelinya. Plaintif sebagai penjual dan responden pertama ('defendan pertama') sebagai pembeli memasuki dua perjanjian jual beli ('SPA') untuk pembelian dua hartanah. Plaintif telah mengeluarkan invois cukai kepada defendan pertama sehubungan dengan penjualan dan pembelian hartanah-hartanah tersebut. Defendan pertama telah membayar harga pembelian hartanah pertama dan hartanah kedua. Walau bagaimanapun, defendan pertama telah gagal melunaskan jumlah GST yang belum dijelaskan. Plaintif menerima notis daripada responden kedua ('defendan kedua') untuk bil tuntutan dan penalti untuk tempoh yang boleh dikenakan cukai. Plaintif tidak dapat menyerahkan pengembalian GST kepada defendan kedua dalam tempoh yang dikenakan cukai kerana kegagalan defendan pertama untuk menjelaskan jumlah GST yang belum dibayar, maka caj penalti dikenakan. Pelikuidasi telah mengeluarkan surat permintaan kepada defendan pertama untuk membayar jumlah GST dan denda untuk pembayaran lewat. Plaintif menerima sebahagian pembayaran daripada defendan pertama dan telah menyerahkannya kepada defendan kedua. Defendan kedua telah mengeluarkan penyata akaun masing-masing kepada plaintif dan penyata akaun terbaru menunjukkan bahawa plaintif harus menjelaskan jumlah GST

yang belum dibayar bersama dengan caj untuk penalti lewat. Plaintif telah memohon relif di mahkamah sesyen namun telah ditolak. Oleh itu, rayuan ini oleh plaintif.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu:

(1) Pihak defendan pertama tidak boleh lari dari tanggungjawab di bawah klausa 7.1 SPA. Klausa 7.1 SPA dengan jelas dinyatakan bahawa defendan pertama adalah bertanggungjawab membayar GST berkenaan dengan penjualan dan pembelian hartanah pertama dan hartanah kedua. Tindakan defendan pertama yang membayar GST tanpa bantahan kemudian membantah tuntutan plaintif adalah tindakan yang tidak wajar. Prinsip asas berkaitan GST dalam perjanjian tersebut adalah di bawah klausa 7.1 dan klausa-klausa dibawahnya adalah turutan dan tidak boleh mengatasi klausa 7.1 SPA. Adalah menjadi tanggungjawab defendan pertama membayar GST dan juga penalti yang dikenakan oleh defendan kedua. Disebabkan kegagalan defendan pertama mematuhi klausa 7.1 SPA menyebabkan plaintif telah di minta oleh defendan kedua membuat bayaran GST bersama penalti, walhal terdapatnya SPA diantara plaintif dan defendan pertama yang mengikat dari segi kontrak. Defendan pertama telah melanggar obligasi nyata yang telah diperuntukkan di bawah klausa 7.1 SPA dan relif yang dipohon oleh pelikuidasi adalah patut dibenarkan serta perintah selanjutnya yang dipohon (lihat perenggan 20, 22, 30, 35 & 36).

[English summary

The appellant ('plaintiff') was a company under liquidation based on a winding up order granted by the High Court. Prior to winding up the nature of the plaintiff's business was related to the supply and contracting of glass and aluminium works. The plaintiff was registered as a taxable person under s 20 of the Goods and Services Tax Act 2014 and as a registered person, the plaintiff company was required to charge goods and services tax ('GST') on the supply of taxable goods made to customers and/or buyers. The plaintiff as the seller and the first respondent ('first defendant') as the buyer entered into two sale and purchase agreements ('SPAs') for the purchase of two properties. The plaintiff had issued a tax invoice to the first defendant in connection with the sale and purchase of the said properties. The first defendant paid the purchase price of the first property and the second property. However, the first defendant had failed to pay the unpaid amount of GST. The plaintiff received notice from the second respondent ('second defendant') for the bill of demand and penalty for the taxable period. The plaintiff was unable to submit the GST refund to the second defendant within the taxable period due to the failure of the first defendant to settle the unpaid amount of GST, hence a penalty charge was imposed. The liquidator had issued a letter requesting the first defendant to pay the amount of GST and a fine for late payment. The plaintiff received a portion

of the payment from the first defendant and had handed it over to the second defendant. The second defendant had issued their respective statement of account to the plaintiff and the latest statement of account showed that the plaintiff should settle the unpaid amount of GST along with the charge for late penalty. Plaintiff had applied for relief in session court but was denied. Hence, this appeal by the plaintiff.

Held, allowing the appellant's appeal:

(1) The first defendant shall not evade responsibility under cl 7.1 of the SPA. Clause 7.1 of the SPA clearly stated that the first defendant was liable to pay GST in respect of the sale and purchase of the first property and the second property. The first defendant's action of paying GST without objection then objecting to the plaintiff's claim was an improper action. The basic principles relating to GST in the agreement were under cl 7.1 and the clauses under it were sequential and could not override cl 7.1 of the SPA. It was the responsibility of the first defendant to pay GST as well as the penalty imposed by the second defendant. Due to the failure of the first defendant to comply with cl 7.1 of the SPA, the plaintiff was claimed by the second defendant to pay GST together with the penalty, even though there were SPAs between the plaintiff and the first defendant which was binding in terms of the contract. The first defendant had breached the express obligations provided for under cl 7.1 of the SPA and the relief sought by the liquidator was fit to be granted as well as the subsequent order sought (see paras 20, 22, 30, 35 & 36).]

Kes-kes yang dirujuk

Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19, MR (dirujuk)

Mandarin Pavilion Sdn Bhd v Chang Vui Lun & Anor [2019] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)

Percetakan Kolombong Ria Sdn Bhd v Wawasan Iktisas Sdn Bhd [2016] 6 MLJ 584, MR (dirujuk)

Setapak Heights Development Sdn Bhd v Tekno Kota Sdn Bhd [2006] 3 MLJ 131, MR (dirujuk)

Tetuan Theselim Mohd Sahal & Co & Ors v Tan Boon Huat & Anor [2017] 4 MLJ 207; [2017] 1 LNS 254, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018) s 20

Tan Fu Seng (Joseph Ting & Co) bagi pihak responden pertama.

Arina Azmin bt Ahmad Marzuki (Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden kedua.

Siti Nur Amirah Aqilah bt Adzman (S Ravenesan) bagi pihak penyelesai perayu.

Latifah Mohd Tahar PK:

KEPUTUSAN RAYUAN

[1] Mahkamah setelah membaca alasan penghakiman, rekod-rekod rayuan, serta meneliti hujahan bertulis dan secara lisan pihak-pihak. mahkamah membenarkan rayuan pihak perayu seperti saman pemula terpinda untuk perenggan 1, 2, 3 dan kos sebanyak RM5,000 tertakluk kepada fi alokatur. Dengan itu mahkamah mengenepikan keputusan puan hakim mahkamah sesyen bertarikh 12 Oktober 2020.

LATAR BELAKANG

[2] Pihak-pihak akan dirujuk sebagai plaintif, defendan pertama dan defendan kedua dalam alasan penghakiman ini.

[3] Plaintif adalah syarikat dalam penggulungan berdasarkan perintah penggulungan bertarikh 28 September 2019 yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam melalui Petisyen Penggulungan No BA-28NCC-299–07 Tahun 2016 (perintah penggulungan bertarikh 28 September 2016 eksh CCL 2 ms 109–111 RR).

[4] Sebelum penggulungan sifat perniagaan plaintif adalah berkaitan dengan membekal dan mengkontrak kerja-kerja kaca dan aluminium.

[5] Syarikat plaintif didaftarkan sebagai orang kena cukai dibawah s 20 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, yang mempunyai No pendaftaran GST 002023161856 dan sebagai orang yang berdaftar, syarikat plaintif dikehendaki mengenakan GST atas pembekalan barang yang dikenakan cukai yang dibuat kepada pelanggan-pelanggan dan/atau pembeli-pembelinya.

[6] Defendan pertama adalah sykt yang diperbadankan di Malaysia dengan alamat berdaftar di 24–3, Jalan Medan Putra 4, Pusat Perniagaan Medan Putra, Bandar Manjalara Kepong, 52200 Kuala Lumpur dan alamat perniagaannya di No 9, Jalan TPP 3, Taman Perindustrian Putra, 47130 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

[7] Defendan kedua adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mentadbir dasar cukai tidak langsung negara. Bahagian cukai barang dan perkhidmatan (SST) defendan kedua berfungsi sebagai salah satu bahagian yang mengumpulkan dan menangani semua perkara yang berkaitan dengan

GST seperti yang diperuntukkan dibawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

[8] Pada 4 Julai 2017, plaintif sebagai penjual dan defendan pertama sebagai pembeli memasuki dua perjanjian jual beli ('SPA') untuk pembelian dua hartanah yang dikenali sebagai berikut:

(a) seluruh tanah pegangan pajakan selama 99 tahun yang dikenali sebagai Lot 7 yang dipegang dibawah hak milik individu HSD 34115, PT No 35167, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Negeri Selangor dengan alamat pos No 16, Jalan TPP 5, Taman Perindustrian Putra, 47130 Puchong, Selangor Darul Ehsan ('hartanah pertama'); dan

(b) seluruh tanah pegangan pajakan selama 99 tahun dikenali sebagai Lot 8 yang dipegang dibawah hak milik individu HSD 34114, PT No 35166, Mukim Tanjung Dua belas, Daerah Kuala Langat, Negeri Selangor dengan alamat pos No 18, Jalan TPP 5, Taman Perindustrian Putra, 47130 Puchong, Selangor Darul Ehsan ('hartanah kedua') (perjanjian jual beli kedua-duanya bertarikh 4 Julai 2017 ditandakan sebagai eksh CCL 4 ms 119–269 RR).

[9] Harga pembelian setiap hartanah adalah berjumlah RM6.6 juta tidak termasuk GST 6%.

[10] Pada 23 Mei 2018 dan 25 Mei 2018 plaintif telah mengeluarkan invois cukai kepada defendan pertama sehubungan dengan penjualan dan pembelian hartanah-hartanah tersebut. Invois-invois tersebut telah diserahkan kepada defendan pertama secara emel bertarikh 25 Mei 2018 dan peringatan untuk pembayaran kepada defendan pertama secara emel bertarikh 19 Jun 2018.

(Sesalinan invois-invois bertarikh 23 Mei 2018 eksh CCL 5 ms 270 RR dan 25 Mei 2018 eksh CCL 6 ms 271 RR dirujuk) (emel-emel secara kolektif sebagai eksh CCL 7 ms 272–273 RR.)

[11] Pada 30 Jun 2018 defendan pertama telah membayar sejumlah RM13.2 juta untuk harga pembelian hartanah pertama dan hartanah kedua. Walau bagaimanapun, defendan pertama telah gagal melunaskan jumlah GST yang belum dijelaskan seperti yang dinyatakan dibawah invois cukai pertama dan invois cukai kedua.

[12] Pada 1 September 2018 plaintif menerima notis daripada defendan kedua untuk bil tuntutan dan penalti untuk tempoh yang boleh dikenakan cukai dari 1 Mei 2018 hingga 31 Mei 2018 (notis dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia bertarikh 1 September 2018 eksh CCL 8 ms 277–278 RR dirujuk).

[13] Plaintif tidak dapat menyerahkan pengembalian GST berjumlah RM792,000 kepada defendan kedua dalam tempoh yang dikenakan cukai kerana kegagalan defendan pertama untuk menjelaskan jumlah GST yang belum dibayar, maka caj penalti sebanyak RM316,800 dikenakan secara keseluruhan.

[14] Pada 1 Oktober 2018 pelikuidasi telah mengeluarkan surat permintaan kepada defendan pertama untuk membayar jumlah RM1,108,800 sebagai jumlah GST dan denda untuk pembayaran lewat (rujuk eksh CCL 9 ms 276 RR, surat dari plaintif (dalam penggulungan) bertarikh 1 Oktober 2018 kepada defendan pertama).

[15] Pada 19 Oktober 2018 plaintif menerima sebahagian pembayaran berjumlah RM396,000 daripada defendan pertama (rujuk eksh CCL 10 ms 279 RR).

[16] Pada 25 Oktober 2018, plaintif telah menyerahkan sebahagian GST berjumlah RM396,000 kepada defendan kedua (salinan resit rasmi bertarikh 27 Oktober 2018 ditandakan sebagai eksh CCL 11 ms 280 RR).

[17] Pada 9 November 2018 dan 9 Julai 2020, defendan kedua telah mengeluarkan penyata akaun masing-masing kepada plaintif dan penyata akaun terbaru menunjukkan bahawa plaintif harus menjelaskan jumlah GST yang belum dibayar bersama dengan caj untuk penalti lewat bagi tempoh dari 1 Mei 2018 hingga 31 Mei 2018 berjumlah RM712,800 (rujuk ms 281–284 RR).

[18] Relif yang dipohon di mahkamah sesyen adalah seperti berikut:

(a) satu deklarasi bahawa defendan pertama telah melanggar kewajipan tersuratnya di bawah klausa 7.1 perjanjian-perjanjian jual beli kedua-duanya bertarikh 4 Julai 2017;

(b) satu deklarasi bahawa defendan pertama bertanggungjawab membayar RM712,800 untuk cukai barang dan perkhidmatan ('GST') bersama-sama dengan apa-apa faedah, penalti atau denda tambahan yang dikenakan ke atasnya kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan/atau defendan kedua di sini;

(c) perintah mandatori yang mengarahkan defendan pertama untuk membayar sejumlah RM712,800 untuk cukai barang dan perkhidmatan ('GST') berserta dengan faedah, penalti atau denda tambahan lain yang dikenakan keatasnya setakat tarikh penyelesaian kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan/atau defendan kedua di sini, dalam masa empat

belas hari dari penyampatan perintah temeterai mahkamah yang mulia ini terhadap defendan pertama atau peguamcaranya; dan

(d) ganti rugi untuk ditaksir.

[19] Walau bagaimanapun hakim mahkamah sesyen telah menolak saman pemula plaintif. Plaintif tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan membuat rayuan ini.

DAPATAN MAHKAMAH

[20] Pihak responden pertama tidak boleh lari dari tangungjawab dibawah klausa 7.1 SPA. Klausa tersebut adalah terpakai dan mengikat apabila pihak perayu/plaintif memenuhi subperenggan (a), (b) dan (c).

[21] Klausa 7 SPA berkaitan dengan GST berbunyi seperti berikut:

> 7.1 The parties hereby acknowledge and agree that the Purchase Price of the said Property *has not taken into consediration any GST that may be payable in respect of the sale and purchase of the Property. The estimation sum payable under the GST is RM396,000.00* (which is 6% of the Purchase Price herein). If any GST is imposed/is due under this Agreement by the Relevant Authorities in Malaysia, *the Purchaser shall pay for the appropriate GST* in the event that the Vendor has complied with the following:
>
> a) The Vendor is duly licensed/registered by/with the Relevant Authorities in Malaysia to collect such GST;
>
> b) The appropriate GST amount for each tax invoice/ written document is included under the relevant tax invoice/ written document at the time of the issuance of the tax invoice/ written document for all payment made towards the Purchase Price of the said Property; and
>
> c) All tax invoice/ written document provided by the Vendor to the Purchaser complies with the relevant GST law enforced by the Relevant Authorities in Malaysia.

[22] Klausa 7.1 dengan jelas dinyatakan bahawa defendan pertama adalah bertanggungjawab membayar GST berkenaan dengan penjualan dan pembelian hartanah pertama dan hartanah kedua.

[23] Jika dirujuk kepada afidavit sokongan saman pemula pelikuidasi, pada masa material defendan pertama tidak membangkitkan apa-apa bantahan berkenaan terma-terma dan syarat-syarat SPA dan tanpa ragu-ragu bersetuju untuk menanggung pembayaran GST.

[24] Niat kedua-dua pihak semasa menandatangani SPA perlu diberi penekanan dan kesan oleh mahkamah. Rujukan dibuat kepada kes Mahkamah

Rayuan dalam *Setapak Heights Development Sdn Bhd v Tekno Kota Sdn Bhd* [2006] 3 MLJ 131 yang diputuskan seperti berikut:

> [27] *It is axiomatic that it is the duty of the court to give effect to the clear intention of the parties as expressed in cl 5(b) of the agreement which is in clear, unambiguous and unmistaken language*. In the *Central Bank Of India Ltd vs Hartford Fire Insurance Co Ltd* 1965 SC 1288, it was held that:
>
> > Now it is commonplace that it is the court's duty to give effect to the bargain of theparties according to their intention and when that bargain is in writing the intention is to be looked for in the words used unless they are such that one may suspect that they do not convey the intention correctly. *If those words are clear, there is very little that the court has to do. The court must give effect to the plain meaning of the words however much it may dislike the result.*

[25] Mahkamah Rayuan juga dalam kes *Percetakan Kolombong Ria Sdn Bhd v Wawasan Iktisas Sdn Bhd* [2016] 6 MLJ 584 telah diputus seperti berikut:

> [28] From the above excerpts, it is manifest that the court should, in interpreting a contract between two parties:
>
> (a) be entitled to take into account the circumstances surrounding the making of the contract, *including the factual matrix that forms the background to the contract*;
>
> (b) *adopt a common sense approach*; and
>
> (c) *Discover the meaning of the agreement from the words which they have used read in the context of the circumstances in which they made the agreement*.

[26] Mahkamah Rayuan dalam kes *Mandarin Pavilion Sdn Bhd v Chang Vui Lun & Anor* [2019] 3 MLJ 395; 'held that if there is a clear provision made between the parties in the agreement, a claim for GST payment can be made against the party'.

[27] Defendan pertama mempunyai kewajipan untuk membayar GST berkenaan dengan penjualan dan pembelian hartanah pertama dan hartanah kedua yang mana plaintif akan mengumpulkan jumlah GST yang perlu dibayar dari defendan pertama untuk memenuhi tanggungjawabnya di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

[28] Apa yang mahkamah ingin tekankan disini adalah prinsip asas GST adalah pembeli hendaklah menanggung GST dan perkataan 'shall' digunakan menunjukkan ianya adalah mandatori.

[29] Dari afidavit sokongan telah dibuktikan bahawa plaintif ada menerima sebahagian pembayaran GST daripada defendan pertama sebanyak RM396,000 pada 19 Oktober 2018 yang mana telah diserahkan oleh plaintif

kepada defendan kedua. Defendan pertama tidak menafikan dalam afidavit bahawa pembayaran GST untuk hartanah-hartanah tersebut adalah atas tanggungjawab defendan pertama.

[30] Tindakan defendan pertama yang membayar GST tanpa bantahan kemudian membantah tuntutan plaintif adalah tindakan yang tidak wajar. Saya merujuk kepada kes *Tetuan Theselim Mohd Sahal & Co & Ors v Tan Boon Huat & Anor* [2017] 4 MLJ 207; [2017] 1 LNS 254 Mahkamah Rayuan yang memutuskan seperti berikut:

> [21] *It seems to us that having elected to proceed with the SPA, the plaintiffs are estopped from alleging that the defendants were negligent for not complying with their instructions to terminate the SPA*. It certainly appeared that only after a further extension of time was refused by the vendor that allegations of failure to put in the necessary terms and the failure to terminate the SPA were mounted against the defendants.
>
> [22] *In our view the plaintiffs were approbating and reprobating in adopting such an approach. The law does not permit this*. In *Verschures Creameries, Ltd v Hull and Netherlands Steamship Company, Ltd* [1921] 2 KB 608, Scrutton LJ elucidated the principle as follows at p 612:
>
> > *The doctrine of election is not however confined to instruments. A person cannot say at one time that a transaction is valid and thereby obtain some advantage, to which he could only be entitled on the footing that that it is valid, and then turn around and say it is void for the purposes of securing some other advantage. That is to approbate and reprobate the transaction*.
>
> [23] Now having decided to affirm the contract and taking steps to conclude the said contract by obtaining the necessary financing, the plaintiffs are deemed to have abandoned their right by making such an election. In this respect, the learned authors of *Chitty on Contracts* (Vol 1, 31st Ed) had this to say (at para 24-003):
>
> > Where the innocent party, being entitled to choose whether to treat the contract as continuing or to accept the repudiation and treat himself as discharged, elects to treat the contract as continuing, he is usually said to have affirmed the contract. He will not be held to have elected to have affirmed the contract unless, first, he has knowledge of the facts giving rise to the breach, and, secondly, he has knowledge of his legal right to choose between the alternatives open to him. Affirmation may be express or implied. It will be implied if, with knowledge of the breach and of his right to choose, he does some unequivocal act from which it may be inferred that he intends to go on with the contract regardless of the breach or from which it may be inferred that he will not exercise his right to treat the contract as repudiated. Affirmation must be total: the innocent party cannot approbate and reprobate by affirming part of the contract and disaffirming the rest, for that would be to make a new contract.

[31] Apa yang jelas adalah responden pertama telah melanggar peruntukan klausa 7.1 SPA tersebut.

[32] Jika dilihat kepada fakta responden pertama telahpun membayar RM6,996,000 serta 6% jumlah GST pada 30 Jun 2018 untuk kedua-dua invois tax tanpa bantahan dan tiada isu berkaitan pelikuidasi tidak membekalkan nombor pendaftaran GST seperti yang ditimbulkan oleh defendan pertama mengikut klausa 7.4 SPA. Perkara ini tidak menjadi isu sebelum tuntutan ini.

[33] Defendan pertama juga semasa menandatangani SPA berpengetahuan bahawa plaintif adalah dalam liquidasi dan adalah tidak sepatutnya plaintif menanggung atau mendahulukan bayaran GST bagi pihak defendan pertama yang mana ini akan menjejaskan pemiutang-pemiutang yang lain. Klausa 7.1 meletakkan tanggungjawab membayar GST kepada pembeli iaitu defendan pertama dan bukan pelikuidasi.

[34] Hartanah-hartanah tersebut telah dibeli dan menjadi milik defendan pertama tanpa menyelesaikan sepenuhnya GST yang sepatutnya ditanggung oleh defendan pertama dibawah klausa 7.1 SPA.

[35] Mahkamah berpendapat bahawa prinsip asas berkaitan GST dalam perjanjian tersebut adalah di bawah klausa 7.1 dan klausa-klausa dibawahnya adalah turutan dan tidak boleh mengatasi klausa 7.1 perjanjian tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab defendan pertama membayar GST dan juga penalti yang dikenakan oleh defendan kedua. Disebabkan kegagalan defendan pertama mematuhi klausa 7.1 SPA menyebabkan plaintif telah di minta oleh defendan kedua membuat bayaran GST bersama penalti, walhal terdapatnya SPA diantara plaintif dan defendan pertama yang mengikat dari segi kontrak.

[36] Mahkamah berpendapat bahawa defendan pertama telah melanggar obligasi nyata yang telah diperuntukkan di bawah klausa 7.1 SPA dan saya berpendapat relif yang dipohon oleh pelikuidasi adalah patut dibenarkan serta perintah selanjutnya yang dipohon.

[37] Mahkamah berpendapat fakta seperti diatas tidak diambil kira oleh puan hakim mahkamah sesyen dalam mencapai keputusannya. Mahkamah merujuk kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19 Mahkamah Rayuan dalam keputusan menyatakan seperti berikut:

> Suffice to say that we reaffirm the proposition that an Appellate Court will not, generally speaking, intervene unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its decision. But appellate interference will take place in cases where there has been no or insufficient judicial appreciation of the evidence.

[38] Mengambil kira peruntukan klausa-klausa GST dibawah perjanjian

tersebut dan juga pematuhan pelikuidasi dalam mematuhi klausa 7 SPA dan semuanya adalah dalam pengetahuan defendan pertama, mahkamah berpuas hati bahawa rayuan ini patut dibenarkan dengan kos tertakluk kepada fi alokatur.

Rayuan perayu dibenarkan.

Reported by Nabilah Syahida Abdullah Salleh